



**M B S**



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

# **BUKU ETIKA BERPAKAIAN**

# KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN – DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN	ii
1. PENDAHULUAN	1
2. TUJUAN	1
3. OBJEKTIF	1
4. ETIKA BERPAKAIAN SEMASA BERTUGAS	2
i. ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM MBS	3-8
ii. ETIKA BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MESYUARAT	9
iii. PEMAKAIAN TWO / THREE – PIECE PANT SUIT BAGI PEGAWAI AWAM WANITA SEMASA BEKERJA	10-11
iv. PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM LELAKI	12
v. PERKARA YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM WANITA	13
vi. PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA PAKAIAN LELAKI	14
A. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT LELAKI YANG DIBENARKAN	15
B. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT LELAKI YANG TIDAK DIBENARKAN	15
vii. PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA PAKAIAN WANITA	16
A. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT WANITA YANG DIBENARKAN	17
B. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT WANITA YANG TIDAK DIBENARKAN	17
5. PENUTUP	18

## KATA-KATA ALUAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas kurnia-Nya yang penuh bermakna dalam kita melaksana tanggungjawab yang diamanahkan.



Buku Etika Berpakaian Majlis Bandaraya Seremban (MBS) ini boleh menjadi panduan dan rujukan warga MBS di mana ia akan menggariskan personaliti dan keterampilan diri semasa bekerja dengan memberi fokus kepada pelanggan.

Etika Berpakaian ini juga adalah melambangkan keperibadian warga MBS serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada semua warga MBS.

Akhir kata, saya memohon agar semua warga MBS, dapat menghayati objektif penerbitan buku ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri serta mempertingkatkan lagi imej dan budaya korporat MBS.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Masri". The signature is fluid and cursive, with a prominent flourish at the end.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Seremban

## **1. PENDAHULUAN**

Etika Berpakaian MBS ialah satu garis panduan mengenai etika berpakaian yang perlu dipatuhi oleh warga MBS sebagai pegawai perkhidmatan awam. Etika Berpakaian adalah keseragaman (*uniformity*) dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat MBS.

Etika ini juga diwujudkan bertujuan untuk menjelaskan mengenai fesyen pakaian alternatif kepada pakaian sedia ada yang sesuai dipakai oleh warga MBS semasa bekerja. Penampilan seseorang warga kerja itu akan mencerminkan kredibiliti dan keupayaannya dalam melaksanakan tugas. Sekiranya seseorang tidak berupaya menguruskan keterampilan diri, ini memberikan impresi awal bahawa seseorang itu tidak berkeupayaan untuk menguruskan tugas dengan teliti dan teratur.

Dengan menghayati dan mengamalkan Etika Berpakaian ini sepenuhnya, imej dan reputasi warga MBS serta MBS sebagai sebuah organisasi akan sentiasa terpelihara dan dikenang di tahap yang baik.

## **2. TUJUAN**

Etika Berpakaian ini adalah untuk menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan petikan kepada Peraturan-peraturan dalam Akta / Pekeliling /Arahan Perkhidmatan Awam sedia ada. Oleh yang demikian, Etika Berpakaian perlu dibaca bersama-sama dengan Akta/ Peraturan/ Arahan berkaitan supaya ia dapat difahami dengan lebih terperinci dan menyeluruh berdasarkan:-

- ❖ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam)
- ❖ Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi)
- ❖ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis)
- ❖ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 (Pemakaian *Two/Three – Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja)

## **3. OBJEKTIF**

Etika Berpakaian ini dapat dijadikan rujukan supaya kita sama-sama dapat membentuk budaya berketerampilan diri yang kemas, profesional dan cemerlang bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi pihak luar yang berurusan dengan warga MBS.

#### 4. ETIKA BERPAKAIAN SEMASA BERTUGAS

Bagi memantapkan lagi imej Majlis Bandaraya Seremban, pentadbiran Majlis telah menetapkan etika berpakaian semasa bertugas untuk Ketua Jabatan / Ketua Unit, Pegawai Kumpulan Sokongan I & II memakai pakaian bagi lelaki dan perempuan adalah seperti berikut:-

HARI	KETUA JABATAN / KETUA UNIT		PEGAWAI P&P YANG LAIN SERTA SOKONGAN I		KAKITANGAN SOKONGAN II	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Isnin & Selasa	Lounge Suit, Bertali Leher & Tanda Nama	Baju Kurung, Kebaya, Jubah Berkot & Tanda Nama	Kemeja Lengan Panjang, Bertali Leher & Tanda Nama	Baju Kurung, Kebaya, Jubah & Tanda Nama	Pakaian Seragam / Kemas	Pakaian Seragam / Kemas
Rabu	Baju Korporat	Baju Korporat	Baju Korporat	Baju Korporat	Pakaian Seragam / Kemas	Pakaian Seragam/ Kemas
Khamis	Baju Batik Lengan Panjang	Baju Kurung, Kebaya Batik	Baju Batik Lengan Panjang	Baju Kurung, Kebaya Batik	Pakaian Seragam / Kemas/ Baju Batik Lengan Panjang	Pakaian Seragam/ Kemas/ Baju Batik
Jumaat	Baju Melayu Bersamping & Bersongkok atau Lounge Suit & Bertali Leher & Tanda Nama	Baju Kurung, Kebaya, Jubah Berkot & Tanda Nama	Kemeja Lengan Panjang, Bertali Leher & Tanda Nama	Baju Kurung, Kebaya, Jubah & Tanda Nama	Pakaian Seragam / Kemas	Pakaian Seragam Kemas

i. ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN





Lounge Suit



Baju Kemeja Berlengan Panjang Bersama  
Seluar Panjang Dan Bertali Ieher



Baju Kemeja Berlengan Panjang  
Bersama Seluar Panjang



Baju Kurung



Baju Batik Lelaki



Baju Batik Perempuan



Baju Melayu Lengkap Bersamping  
Dan Bersongkok





Baju Kebaya



Kot dan Berskirt Labuh



Jubah



Sut Punjabi Berselendang

**BAJU KORPORAT**



**PAKAIAN WANITA MENGANDUNG**



## ***PAKAIAN SERAGAM***



Penguatkuasa



Penguatkuasa



Penolong Pegawai  
Kesihatan Persekutuan



Pembantu Operasi  
(Unit Letak Kereta)



Juruelektrik

**ii. ETIKA BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MESYUARAT**



Lounge Suit



Kemeja Lengan Panjang Seluar Panjang dan Bertali Leher



Kot dan Berskirt Labuh



Baju Kurung

**iii. PEMAKAIAN TWO / THREE – PIECE PANT SUIT BAGI PEGAWAI AWAM WANITA SEMASA BEKERJA**



*Two Piece Pant Suit*



*Three Piece Pant Suit*

iv. PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM LELAKI

- ❖ Pakaian yang menjolok mata ( jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat ).
- ❖ T-shirt, seluar pendek atau *jeans* pada waktu pejabat.
- ❖ Memakai tali leher jika baju berlengan pendek kecuali uniform.
- ❖ Baju Melayu yang tidak lengkap ( tanpa songkok & sampin atau memakai kain pelekat ).
- ❖ Baju yang melambangkan parti politik atau syarikat perniagaan.
- ❖ Berselipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- ❖ Melipat lengan baju bagi kemeja berlengan panjang.
- ❖ Memakai ketayap / serban.



v. PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI PENJAWAT AWAM WANITA

- ❖ Pakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat).
- ❖ T-shirt, seluar pendek atau *jeans* pada waktu pejabat.
- ❖ Berselipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- ❖ Berpakaian seolah – olah menghadiri pesta atau keraian.
- ❖ Skirt pendek.
- ❖ Pakaian yang menutup muka




vi. PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA PAKAIAN LELAKI

YA	TIDAK
<b>KEPALA / MUKA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rambut sentiasa disikat</li> <li>➤ Berkepala botak hanya dibenarkan oleh sebab - sebab berikut sahaja :           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Genetik</li> <li>ii. Penyakit</li> <li>iii. Amalan agama / Kepercayaan (Umrah / Haji)</li> </ul> </li> </ul>	<b>KEPALA / MUKA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rambut panjang, tidak terurus, bewarna atau dibuat gaya punk atau skinhead</li> <li>➤ Menindik telinga/ hidung/ lidah</li> <li>➤ Misai tidak dijaga rapi</li> </ul>
<b>BADAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memakai tanda nama</li> <li>➤ Kolar baju dan hujung tangan mesti kelihatan <math>\frac{1}{2}</math> daripada kot</li> <li>➤ Warna tali leher dan baju yang dipakai sepadan</li> <li>➤ Hujung kepala tali leher mencecah paras kepala tali pinggang</li> </ul>	<b>BADAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berbau dan tidak bersih</li> <li>➤ Berkuku panjang dan kotor</li> <li>➤ Memakai pakaian yang tidak tersenarai sebagai pakaian pejabat</li> <li>➤ Tali leher ber karakter kartun / logo yang tidak sepatutnya</li> <li>➤ Pakaian tidak digosok kemas / dibasuh</li> </ul>
<b>KAKI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kasut kulit sentiasa berkilat</li> <li>➤ Stokin yang padan dengan seluar</li> </ul>	<b>KAKI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berseluar jeans</li> <li>➤ Kasut sukan dengan pakaian pejabat</li> </ul>
<b>PENAMPILAN</b> : Sentiasa senyum, ramah dan berkelakuan sewajarnya	

**A. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT LELAKI YANG DIBENARKAN**



**B. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT LELAKI YANG TIDAK DIBENARKAN**



vii. PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA PAKAIAN WANITA

YA	TIDAK
<b>KEPALA / MUKA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rambut sentiasa disikat/ disanggul</li> <li>➤ Tudung mesti padam dengan warna baju</li> <li>➤ Memakai subang yang bersesuaian</li> <li>➤ Mengenakan mekap yang berkadararan</li> </ul>	<b>KEPALA / MUKA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Rambut serabai &amp; tidak terurus</li> <li>➤ Kombinasi warna mekap tidak sesuai &amp; keterlaluan</li> <li>➤ Tudung lusuh &amp; tidak digosok kemas</li> <li>➤ Mewarnakan rambut secara berlebihan</li> </ul>
<b>BADAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Memakai tanda nama</li> <li>➤ Kombinasi corak &amp; warna adalah berpadanan</li> <li>➤ Memakai pewangi yang menyenangkan &amp; berkadararan</li> <li>➤ Aksesori tidak terlalu sarat &amp; mewah</li> </ul>	<b>BADAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berbau dan tidak bersih</li> <li>➤ Berkuku panjang &amp; kotor</li> <li>➤ Pakaian tidak digosok kemas / dibasuh</li> </ul>
<b>KAKI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kasut kulit sentiasa berkilat &amp; bertutup</li> <li>➤ Stoking bewarna kulit / gelap</li> </ul>	<b>KAKI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Berseluar jeans</li> <li>➤ Kasut sukan dengan pakaian pejabat</li> </ul>
<b>PENAMPILAN</b> : Sentiasa senyum, ramah dan berkelakuan sewajarnya	

**A. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT WANITA YANG DIBENARKAN**



**B. CONTOH PENGGAYAAN RAMBUT WANITA YANG TIDAK DIBENARKAN**



## **5. PENUTUP**

Buku Etika Berpakaian ini disediakan bagi rujukan dan pemahaman warga Majlis Bandaraya Seremban terhadap penampilan pemakaian ke pejabat. Amalan ini adalah penting untuk diterapkan dan menjadi sebahagian daripada usaha memupuk budaya perkhidmatan yang cemerlang MBS dalam usaha menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan MBS kepada *stakeholder* dan pelanggannya. Pengurusan MBS percaya dengan etika perkhidmatan yang tinggi dan keterampilan yang baik dapat memberi tanggapan dan pandangan yang positif serta keyakinan kepada semua pelanggan MBS. Justeru, peranan warga kerja MBS adalah perlu berusaha untuk meningkatkan imej penyampaian organisasi kepada warga bandar raya. Sehubungan dengan itu semua warga kerja MBS sentiasa peka dengan perubahan dan keperluan semasa malah sentiasa bersedia untuk memberikan yang terbaik demi mencapai visi, misi dan objektif Majlis Bandaraya Seremban.



Diterbitkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Seremban,  
Wisma MBS, Persiaran Forest Height 1,  
Jalan Seremban-Tampin,  
70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, MALAYSIA

Ibu Pejabat: 06-7654333 | Pejabat Cawangan (Nilai): 06-7989000

Fax Ibu Pejabat: 06-7654889 | Fax Pejabat Cawangan (Nilai): 06-7997300

 serembancitycouncil

 mbseremban

 Majlis Bandaraya Seremban

 mbseremban  06-7654444 (Aduan)